

# Masyarakat yang tinggal berhampiran universiti dipelawa ambil peluang timba ilmu

NST 15.11.2019 8

SANDAKAN: Seramai 32 mahasiswa baharu Fakulti Pertanian Lestari (FPL), Universiti Malaysia Sabah (UMS) Sandakan yang mengambil kursus Interaksi Institusi dan Masyarakat (INTERIM) di bawah Pusat Kokurikulum dan Pemajuan Pelajar (PKPP) UMS telah menganjurkan program ke-masyarakat di Kampung Sungai Manila, di sini, baru-baru ini.

Pengarah program, Bryan Steve Bolingi berkata, aktiviti tersebut dianjurkan dengan kerjasama Sekolah Kebangsaan (SK) Sungai Manila dan mendapat sambutan menggalakkan daripada masyarakat kampung, murid-murid tahun enam, Persatuan Ibubapa dan Guru (PIBG) dan juga warga kerja sekolah berkenaan.

"Program yang berlangsung selama sehari ini dimulakan den-

gan aktiviti senamrobik dan diikuti dengan ceramah kesedaran berkaitan kepentingan mengitar semula bahan-bahan terpakai yang disampaikan pengajar kursus INTERIM UMS Sandakan, Wilson Azahari," katanya dalam satu kenyataan disini.

Majlis perasmian telah disempurnakan oleh Dekan FPL UMS, Prof. Dr. Abd. Hamid Ahmad.

Terdahulu, turut berlangsung sesi ceramah yang telah disampaikan oleh wakil daripada Pusat Zakat daerah Sandakan.

"Selain daripada itu, turut diadakan acara sukaneka, membuat lukisan mural, pembinaan sudut lanskap di kawasan sekolah, serta membuat saluran air menggunakan bahan terpakai di kawasan sekolah yang disalurkan terus daripada takungan air hujan," jelas Bryan.

Sementara itu, Prof. Dr. Abd. Hamid dalam ucapannya berkata, universiti berperanan memberi kebaikan bukan sahaja kepada komuniti yang terdapat di dalam kampus tetapi juga kepada masyarakat.

"Masyarakat yang tinggal berhampiran universiti dipelawa mengambil peluang untuk menimba ilmu terutamanya berkaitan pertanian dan penternakan sejarah dengan kepakaran yang dimiliki oleh tenaga pengajar yang terdapat di kampus FPL ini," katanya.

Abd. Hamid turut menyempurnakan penyampaian sumbangan zakat kepada murid-murid SK Sungai Manila.

Hadir sama pada majlis itu ialah Guru Besar SK Sungai Manila, Zaini Osman.- **OLEH NOOR ZAFIRA SHAFIE**



**ALBUM KENANGAN...Pelajar Interim UMS Sandakan bergambar bersama Abd Hamid (duduk empat dari kiri) dan Zaini (duduk lima dari kanan) serta wakil Pejabat Pelajaran Daerah Sandakan dan barisan kepimpinan PIBG SK Sungai Manila.**